Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pengembangan ekonomi bertambah kukuh pada tahun 2005, dipacu oleh keutuhan permintaan dalam negeri yang dimantapkan lagi oleh peningkatan permintaan luar negeri. Sektor swasta terus menjadi peneraju utama pertumbuhan bagi tahun ketiga berturut-turut. Peningkatan prestasi pertumbuhan pada separuh kedua tahun 2005 dijangka kekal mapan pada tahun 2006 seiring dengan penambahbaikan berterusan persekitaran luaran dan permintaan dalam negeri yang kekal memberangsangkan. Pertumbuhan pada tahun 2006 dijangka mendapat sokongan daripada pengembangan yang lebih menyeluruh kesemua sektor ekonomi. Ini akan mengukuhkan lagi struktur ekonomi dan potensi pertumbuhan yang mapan untuk jangka pertengahan.

Ciri penting dan tersendiri ekonomi Malaysia adalah pada tahap kefleksibelannya yang tinggi. Tahap kefleksibelan yang tinggi ini menjadi sumber daya saing Malaysia. Kefleksibelan ekonomi penting dalam pengurangan impak kejutan luaran dan pengekalan prestasi pertumbuhan Malaysia selama lebih tiga dekad yang lalu. Mengorak langkah ke hadapan, prospek pertumbuhan jangka pertengahan bagi ekonomi dalam negeri tentunya berpaksi pada langkah seterusnya untuk mengukuhkan lagi kefleksibelan ekonomi di persada ekonomi global yang lebih mencabar dan berdaya saing. Maka penekanan baru terhadap pelaburan dalam modal insan amat penting untuk membolehkan pengadaptasian dan sokongan oleh tenaga kerja terhadap peralihan Malaysia yang menjurus kepada lebih banyak aktiviti nilai ditambah dan industri pertumbuhan baru. Ini penting bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap kakitangan yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi. Ini akan diperkukuh oleh usaha yang berterusan untuk mengenal pasti sumber pertumbuhan baru bagi pempelbagaian asas ekonomi dan peningkatan daya saing ekonomi. Seiringan dengan komitmen sektor awam terhadap usaha menyediakan persekitaran yang mendorong peningkatan kefleksibelan ekonomi, sektor swasta turut berperanan penting untuk beradaptasi terhadap perubahan yang berlaku di peringkat negara dan antarabangsa, dan memanfaatkan peluang baru yang muncul dalam persekitaran yang lebih dinamis ini.

Cabaran utama yang dihadapi ekonomi dunia pada tahun 2005 ialah harga tenaga yang berterusan tinggi sepanjang tahun. Ekonomi dunia sememangnya berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengurus kesan ekonomi akibat risiko harga tenaga yang tinggi, yang terus bergolak dan tegar. Penambahbaikan keefisienan tenaga serta globalisasi pengeluaran berjaya membendung impak harga tenaga yang tinggi terhadap ekonomi global. Tekanan atas harga juga bertahap sederhana. Namun, bagi beberapa buah negara, trend ini mendorong peningkatan kadar faedah terutamanya di negara yang kadar faedah berada pada paras yang amat rendah. Meskipun harga di Malaysia meningkat sebagai tindak balas terhadap peningkatan harga tenaga, kadar inflasi kekal di sekitar paras yang terurus. Gandingan faktor berupa pertumbuhan produktiviti pekerja dan pengembangan kapasiti serta persaingan yang meningkat telah berjaya menyederhanakan kenaikan harga. Pada tahun 2006, kadar inflasi dijangka meningkat lagi sebelum ia sederhana pada separuh tahun kedua. Oleh itu, keadaan makroekonomi akan terus menggalakkan dan menyediakan persekitaran yang positif, stabil dan sesuai bagi pengembangan ekonomi.

Dasar makroekonomi akan terus menyokong ekonomi manakala keadaan kewangan dijangka kekal menggalakkan. Inisiatif dasar akan terus memberi tumpuan pada usaha penggalakan pertumbuhan berkualiti tinggi dalam persekitaran makroekonomi yang stabil. Kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka semakin utuh pada tahun 2006 dengan momentum pertumbuhan yang turut bertambah pesat. Kerajaan akan meneruskan dasar kemapanan fiskalnya dengan pembiayaan

daripada sumber bukan inflasi. Pada penghujung bulan ini, Kerajaan akan melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menggariskan strategi untuk mengukuhkan potensi pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan daya tahan negara sepanjang tempoh Rancangan, 2006-2010.

Pada tahun 2005, dasar monetari kekal akomodatif. Pada separuh tahun kedua, berkurangnya risiko pertumbuhan yang lebih perlahan menyebabkan kadar dasar yang kekal pada paras paling rendah sejak krisis mata wang pada tahun 1998, dinaikkan dua kali iaitu pada 30 November 2005 dan pada 22 Februari 2006. Pertambahan ini bertujuan untuk menjajarkan keadaan monetari dengan persekitaran ekonomi semasa. Melangkah ke hadapan, dasar monetari akan bertindak balas dengan sewajarnya untuk memastikan pertumbuhan yang mapan dalam persekitaran harga yang stabil. Dengan kadar faedah masih di bawah paras neutral, dasar monetari terus menyokong ekonomi. Keadaan makroekonomi turut disokong oleh keadaan stabil dalam pasaran aset. Keutuhan rekod prestasi pertumbuhan Malaysia dalam persekitaran kadar inflasi rendah, yang wujud sepanjang beberapa dekad menyediakan asas untuk mengekang jangkaan inflasi. Di samping itu, peningkatan tahap komunikasi Bank Negara Malaysia mengenai inflasi dan dasar monetari bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengendalian dasar monetari dan menyediakan asas selanjutnya untuk mengekang jangkaan dan dengan itu menyumbang ke arah pencapaian kestabilan harga.

Kemajuan yang besar telah dicapai dalam pengukuhan peranan sistem perbankan dan pasaran modal sebagai pengantara dana, justeru meningkatkan keupayaan sistem ini untuk menyokong dan membantu proses pertumbuhan ekonomi. Penstrukturan semula, konsolidasi dan perasionalan yang dilaksanakan sebelum ini telah membuahkan hasil berupa peningkatan dalam kekukuhan kewangan dan peningkatan selanjutnya dalam kecekapan operasi seperti yang diperlihatkan oleh beberapa penunjuk. Kualiti portfolio turut bertambah baik dengan trend penurunan nisbah pinjaman tidak berbayar berterusan. Pembubaran Pengurusan Danaharta Nasional Berhad pada bulan Disember 2005 menandakan penyempurnaan bab terakhir dalam usaha penstrukturan semula sektor kewangan yang dilaksanakan untuk menangani kelemahan yang muncul semasa krisis mata wang Asia. Tahun 2005 turut menyaksikan pengukuhan pengurusan risiko dan tadbir urus dalam institusi kewangan sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula. Ini diperkukuh lagi oleh pengenalan rangka kerja pengawalseliaan berhemat, pengawasan penyeliaan dan pemantauan yang lebih dinamis.

Beberapa inisiatif juga diambil pada tahun ini untuk terus meningkatkan lagi peranan pasaran bon dalam sistem kewangan, khususnya pasaran sekuriti hutang swasta bagi mempelbagaikan lagi sumber pembiayaan dalam ekonomi. Ini termasuk langkah menambah mudah tunai pasaran dan menggalakkan proses penemuan harga yang lebih efektif dan dengan itu meningkatkan keefisienan pasaran. Pasaran sekuriti hutang swasta yang menjadi sumber pembiayaan yang semakin penting bagi sektor korporat kini mencakupi 52% daripada KDNK lantas mengatasi kepentingan pasaran hutang kerajaan.

Kesempatan daripada pengukuhan daya tahan ekonomi dan kewangan dimanfaatkan bagi penyahkawalseliaan dan liberalisasi seterusnya persekitaran dalam negeri bagi menggalakkan kefleksibelan dan kecekapan dalam ekonomi. Inisiatif dasar penting yang menuju ke arah ini ialah peralihan rejim kadar pertukaran mata wang sedia ada kepada rejim apungan terurus pada bulan Julai 2005. Penerimaan dan penggunaan rejim baru ini bertujuan untuk memastikan Malaysia berada pada kedudukan yang lebih baik untuk bertindak balas terhadap perubahan struktur yang sedang berlaku dalam persekitaran serantau dan

antarabangsa. Dalam konteks peralihan ini, tiada perubahan berlaku pada rangka kerja monetari dan pengendalian dasar monetari. Di bawah rejim baru ini, kadar pertukaran mata wang akan mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia dan perkembangan kadar pertukaran mata wang rakan dagangan Malaysia. Rejim ini memberi lebih keupayaan kepada Malaysia untuk bertindak balas terhadap kejutan luaran. Dalam beroperasi di bawah rejim ini, Bank Negara Malaysia tidak menyasarkan sebarang tahap kadar pertukaran, dan hanya campur tangan untuk menstabilkan volatiliti kadar pertukaran, khususnya, apabila aliran modal jangka pendek yang besar mewujudkan pergerakan kadar pertukaran mata wang yang berlebihan. Sementara perkembangan kadar pertukaran merupakan pertimbangan yang penting dalam penetapan dasar monetari, namun penting juga untuk menegaskan bahawa Bank Negara Malaysia tidak menggunakan kadar pertukaran sebagai instrumen untuk mencapai matlamat dasar monetari. Peralihan yang teratur kepada rejim baru ini adalah positif bagi ekonomi.

Sektor kewangan terus berubah secara progresif sepanjang tahun berikutan perasionalan di kalangan institusi yang sedia ada, pengenalan institusi baru dan pengukuhan dimensi antarabangsa dalam sistem kewangan. Usaha perasionalan melalui penamatan secara berperingkat-peringkat institusi tradisional seperti syarikat kewangan dan syarikat diskaun mewujudkan institusi baru yang khusus. Konsolidasi perniagaan perbankan runcit menjadi entiti tunggal dengan penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan telah disempurnakan. Hasil penggabungan bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun yang kini dalam pelaksanaan akan mewujudkan perbankan pelaburan dalam landskap kewangan. Rasionalisasi ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti sistem kewangan bagi memenuhi keperluan ekonomi baru yang berubah dan berbeza secara lebih efektif dan efisien. Rangka kerja perlindungan pengguna turut diperkukuh dengan tertubuhnya perbadanan insurans deposit yang kini beroperasi sepenuhnya.

Integrasi serantau dan antarabangsa sistem kewangan turut dipertingkatkan. Lesen baru telah diberikan kepada institusi kewangan Islam asing, dengan sebuah daripadanya telah mula beroperasi. Di samping itu, potensi penyertaan asing dalam bank pelaburan dan subsidiari Islam ditingkatkan kepada 49%. Beberapa institusi tempatan meluaskan kewujudan mereka dalam pasaran asing. Kini sektor perbankan mempunyai perwakilan di dua puluh negara. Sebagai sebahagian daripada proses membantu peningkatan integrasi antarabangsa, liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing pada bulan April 2005 membenarkan lebih kefleksibelan dan keefisienan dalam urus niaga pertukaran asing serta penyertaan asing dalam terbitan sekuriti berdenominasi ringgit dalam pasaran bon tempatan. Ini telah menyumbang kepada peningkatan sifat saling berkaitan ekonomi dan kewangan kita dengan bahagian dunia yang lain.

Sepanjang tahun ini, perbelanjaan agregat oleh sektor isi rumah kekal memberangsangkan. Walaupun perbelanjaan ini disokong oleh pendapatan yang meningkat, sektor perbankan juga menyediakan pembiayaan yang lebih kepada sektor itu. Bagi mengekalkan sumbangan sektor isi rumah kepada pertumbuhan, pengaturan keinstitusian baru dilaksanakan untuk memastikan pengembangan yang berlaku setara dengan keupayaan sektor itu untuk menyerap tahap keberhutangan yang lebih tinggi. Sebagai sebahagian daripada langkah ini, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ditubuhkan sebagai langkah awal untuk menangani isu berkaitan dengan komitmen kewangan isi rumah, memberikan kaunseling kewangan dan penstrukturan semula pinjaman bagi sektor isi rumah.

Inisiatif dasar utama yang lain pada tahun 2005 merangkumi usaha memastikan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Pembangunan sistem kewangan yang lebih menyeluruh merupakan unsur

penting yang perlu diambil kira dalam pembangunan sistem kewangan dalam negeri. Tumpuan terhadap pemasukan kewangan memastikan bahawa mekanisme keinstitusian disediakan dalam pasaran kredit formal untuk membantu perusahaan mikro, perniagaan kecil dan sederhana, dan kumpulan berpendapatan rendah mendapat akses kepada kemudahan kredit. Matlamatnya adalah untuk membawa kumpulan sasaran ini ke dalam arus perdana ekonomi, mengurangkan kemiskinan dan menggalakkan pertumbuhan yang lebih seimbang. Pengukuhan pengaturan keinstitusian yang termasuk institusi kewangan pembangunan khusus, institusi pembiayaan mikro dan koperasi memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemasukan kewangan.

Kemajuan penting dicapai pada tahun 2005 untuk mempercepat pembangunan PKS dalam ekonomi. Usaha ditumpukan pada pengukuhan infrastruktur sokongan bagi pembangunan PKS, pengenalan langkah pembinaan kapasiti dan peningkatan akses kepada pembiayaan. Sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, Bank Negara Malaysia terlibat secara aktif dalam pembangunan Rangka Tindakan Pembangunan PKS 2006. Rangka tindakan ini menggariskan matlamat, sasaran dan tumpuan strategi Kerajaan termasuk pelan tindakan dan program bagi tahun 2006 untuk mempercepat pembangunan PKS. Satu pencapaian penting ialah pelancaran Portal SMEinfo, iaitu gerbang maklumat dalam talian sehenti untuk menyediakan maklumat komprehensif mengenai akses kepada pembiayaan, kemudahan dan latihan yang disokong Kerajaan dan program pembangunan untuk PKS. Portal ini juga berfungsi sebagai platform bagi aktiviti rangkaian dan pemasaran PKS. Pada tahun 2005, akses PKS kepada pembiayaan terus diberi keutamaan. Di samping penubuhan SME Bank, institusi perbankan melancarkan dua produk pembiayaan perdagangan baru untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan PKS dalam pasaran eksport. Berikutan akses kepada pembiayaan yang meningkat oleh sektor perbankan, pinjaman PKS kini mencakupi 43% daripada pinjaman perniagaan.

Pada tahun 2005, kemajuan penting tercapai dalam sektor perbankan Islam dan takaful. Pada masa yang sama, usaha pembangunan kewangan Islam turut ditingkatkan demi meletakkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Usaha ini menjurus kepada pembangunan keinstitusian, meningkatkan infrastruktur kewangan dalam negeri, pengukuhan infrastruktur Syariah dan undang-undang dan penggalakan integrasi antarabangsa yang lebih kukuh. Selain kemunculan beberapa institusi asing yang baru, tahun 2005 menyaksikan perubahan jendela Islam dalam bank konvensional kepada subsidiari Islam. Di samping itu, Bank Negara Malaysia selanjutnya mengukuhkan pengawalseliaan pengantara takaful.

Selaras dengan kemajuan yang pesat dalam sektor perbankan Islam dan takaful, pasaran modal Islam turut mencatat perkembangan mengagumkan dari segi terbitan instrumen Islam yang lebih tinggi dan usaha mengetengahkan inovasi, yang memperluas dan memperdalam pasaran modal Islam. Langkah ke hadapan dalam melaksanakan daya usaha meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa akan semakin mantap dengan tertubuhnya Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang bakal beroperasi pada bulan Mac 2006. Ini mencerminkan pelaburan modal insan yang amat penting bagi pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam. INCEIF akan memainkan peranan sebagai pusat antarabangsa bagi pendidikan cemerlang dalam bidang kewangan Islam yang mengkhususkan pembangunan golongan profesional dan pakar bidang kewangan Islam. Bakat seperti ini sememangnya amat diperlukan untuk mengekalkan daya saing pasaran dan menghadapi cabaran masa hadapan dalam industri kewangan Islam. Bank Negara Malaysia telah mewujudkan dana endowmen berjumlah RM500 juta untuk menyokong inisiatif ini.

Sistem pembayaran menjadi tonggak penting sistem kewangan keseluruhan dan Bank Negara Malaysia terus memberi keutamaan kepada pengukuhan kecekapan, kebolehpercayaan dan keselamatan sistem pembayaran ini. Usaha berterusan menjurus kepada pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur sistem pembayaran bagi memastikan keteguhannya dan mengurangkan risiko sistemik kepada sistem kewangan dan ekonomi yang lebih luas. Inisiatif penggalakan perpindahan daripada pembayaran berasaskan kertas kepada pembayaran secara elektronik dilaksanakan bagi mempertingkatkan kecekapan dan mengurangkan kos. Penambahbaikan sistem pembayaran yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia merangkumi pewujudan mekanisme "pembayaran-semasa-pembayaran" bagi mengurangkan risiko penjelasan pertukaran asing antara bank dan pengenalan sistem pemangkasan cek untuk mengurangkan pengendalian fizikal cek dan kos yang berkaitan dengannya. Untuk meningkatkan keselamatan kad pembayaran, institusi perbankan juga telah dengan jayanya menyempurnakan pemasangan terminal berasaskan cip pada tahun 2005 lantas menjadikan Malaysia negara pertama di rantau ini yang menyempurnakan proses perpindahan cip kebangsaan. Seterusnya, usaha intensif akan dijalankan untuk mempromosikan kad debit sebagai alternatif dan cara pembayaran yang lebih kos efektif. Usaha turut ditingkatkan bagi menambah kesedaran orang ramai tentang pelbagai saluran, produk dan inovasi pembayaran. Pada dasarnya, agenda ini adalah untuk meningkatkan penggunaan pembayaran secara elektronik dengan memulakan perubahan infrastruktur dan proses di samping meningkatkan akses serta memudahkan struktur insentif yang betul untuk menggalakkan penggunaan aktif pembayaran secara elektronik.

Bank Negara Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan organisasi bagi memastikan Bank terus meningkatkan kapasiti bagi menangani cabaran baru yang muncul dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Di samping pertambahan pelaburan dalam pembangunan kakitangan, perubahan telah dibuat dalam struktur organisasi dan juga pengenalan penambahbaikan terhadap ICT untuk meningkatkan tahap kesinambungan, meningkatkan akses kepada maklumat dan untuk memperkukuh rangkaian. Inisiatif lain merangkumi penerapan budaya berasaskan prestasi dan usaha berterusan ke arah menjadi Organisasi Berasaskan Pengetahuan. Tumpuan juga telah diberikan pada pengurusan kerja dan ruang bekerja untuk meningkatkan kecekapan, keselamatan dan keberkesanan Bank Negara Malaysia untuk berfungsi. Kerja-kerja pembinaan Pusat Sumber Perkhidmatan Kewangan dimulakan pada tahun 2005. Setelah disiapkan, pusat ini dijangka menjadi pusat kecemerlangan bagi pengetahuan dan pembelajaran untuk menyokong keperluan Bank Negara Malaysia serta Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB). Pusat ini akan turut menempatkan Pusat Pengurusan Pengetahuan, Muzium Kewangan dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia. Memandangkan Bank beroperasi dalam persekitaran yang mencabar, inisiatif ini bertujuan untuk memastikan Bank memberikan hasil yang diharapkan pada tahap kecekapan dan profesionalisme tertinggi.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

22 Mac 2006